

UKM terus gah di persada antarabangsa

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) buat jujing kalinya memperkenalkan Anugerah Emas Kedoktoran sejajar dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti penyelidikan terunggul dalam negara bersempena dengan Majlis Konvokesyen UKM ke-47 di sini, baru-baru ini.

Naib Canselornya, Prof Ir Dr Mohd Hamdi Abdul Shukur, berkata anugerah itu adalah sebagai pengiktirafan atas ketenterlangan graduan Doktor Falsafah, selain Anugerah Pelajaran Diraja, Anugerah Naib Canselor dan Anugerah Tun Razak.

Beliau berkata, UKM berada di kedudukan ke-160 dalam QS World University Rankings dan tempat ke-41 dalam QS Asian University Rankings, justeru meletakkan UKM dalam kelompok satu peratus universiti terbaik di seluruh dunia.

Katanya, penarafan ini mengangkat UKM di persada antarabangsa dan meletakkan Malaysia sebagai negara pilihan untuk melanjutkan pengajian.

"Selain itu, ia juga meningkatkan keyakinan universiti tersohor dan industri untuk berkolaborasi dalam penyelidikan dan aktiviti keserjanaan. Hasilnya kualiti, perkembangan ilmu pengetahuan, kepakaran, penyelidikan dan inovasi dapat



Tuanke Muhriz dan Tuanke Aishah Rohani diiringi Prof Mohd Hamdi (tengah) beramah mesra dengan Farahana dan Nalina pada Majlis Konvokesyen UKM ke-47. (Foto Saifulizan Tamadi / BH)

dipertingkatkan.

"Sehubungan itu, UKM pada tahun ini, melancarkan Pelan Strategik 2019-2021 yang dinamakan Mahligai Kualiti bagi melonjakkan kebitaraan UKM dipersada lokal dan global," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-47 yang berlangsung di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR), UKM, di sini.

Majlis perasmian Konvokesyen UKM Ke-47 yang berlangsung selama empat hari itu sempenakan Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanke Muhriz ibni Almarhum Tuanke Munawir yang juga Canselor UKM.

Yang turut hadir Tuanke Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanke Aishah Rohani Almarhum Tuanke Besar Mahmud; Tunku Pro Canselor, Datuk Seri Diraja Tunku Puteri Intan Safinaz Almarhum Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dan Pro Canselor UKM, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Seramai 7,655 graduan diraikan pada majlis konvokesyen kali ini dan daripada jumlah itu, Ijazah Doktor Falsafah (531); Ijazah Sarjana (2,551); Sarjana Kepakaran Perubatan (235); Sarjana Kepakaran Pergigian (dua); Sarjana Kepakaran Perubatan Lanjutan Dermatologi (Japun); Sarjana

Muda (4,208); Diploma Pascasiswazah (101) dan Diploma (19).

UKM turut menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada Profesor, Michael Lavelle-Jones (Ijazah Kehormat Doktor Sains Perubatan) dan Tuan Yang Terutama Han Ki-Moon (Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Keamanan dan Pembangunan Mapan).

Selain itu, empat bekas ahli akademik UKM yang banyak menabur bakat kepada universiti turut dianugerahkan Profesor Emeritus, iaitu Dr Muhammad Mat Salleh (Organik Elektronik); Dr Bohari Yamin (Kimia); Dr Thum Siew Yin (Ekonomi) dan Datuk Dr Lokman Salm (Otologi-

INFO

PENERIMA ANUGERAH

Anugerah Emas Kedoktoran
Dr Kassim Bahali - Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Dr Abdullah Amru Indera Luthfi (Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina)

Anugerah Pelajaran Diraja
Farahana Mohamed (Ijazah Sarjana Muda Sains Biopruhan, Fakulti Sains Kesihatan)
Nalina Santhiran - Ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Fakulti Undang-undang

Anugerah Naib Canselor Muhammad Ali Fitri Abdul Halim (Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Pengajian Arab dan Tamadun Islam), Fakulti Pengajian Islam).

Anugerah Tun Razak Dr Joshua Peh Jian Ren, Ijazah Doktor Pergigian

OR/ENT).
Buat kali pertamanya juga, UKM memperkenalkan Anugerah Emas Sarjana yang disandang Nurhafizah Abdul Musid dari Fakulti Pendidikan dan graduan Sarjana Sains, Javad Safawi dari Institut Penyelidikan Tenaga Surya (SERI).

Rai kejayaan terima anugerah bersama anak

Bangi: Biar pun mengambil masa selama tujuh tahun untuk menamatkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam jurusan Pentadbiran Perniagaan, tidak sesekali menamatkan semangat Dr Zulkafli Amat, 57, untuk bergelar graduan pada Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-47, di sini baru-baru ini.

Lebih manis, kejayaan itu turut diraikan bersama-sama anak ketiganya, Nazatul Husna, 25, yang juga tamat pengajian dalam bidang sama.

Zulkafli ketika ditemui berkata, tempoh tujuh tahun untuk menamatkan pengajian bukanlah mudah memandangkan ia diikuti secara separuh masa namun beliau bersyukur kerana diberi peluang untuk belajar sambil bekerja di tempat beliau berkhidmat.

"Walaupun sibuk dengan tugas hakiki, semangat untuk menghabiskan pengajian amat tinggi apatah lagi didorong ahli



Dr Kassim menamatkan pengajian bersama anaknya Siti Nur Mardhiyah pada majlis Konvokesyen UKM ke-47.



Dr Zulkafli menamatkan pengajian bersama anaknya Nazatul Husna pada majlis Konvokesyen UKM ke-47.

keluarga dan kata-kata positif rakan sekerja yang banyak membantu saya untuk terus berjaya.

"Sewaktu mengikuti pengajian, ada kalanya saya tidak dapat menemani isteri ke majlis per-

kahwinan atau berjalan-jalan pada cuti hujung minggu dan ia adalah pengorbanan keluarga yang tidak ternilai kerana mereka cukup memahami situasi saya," katanya.

Selain Zulkafli, turut meraikan kejayaan adalah penerima Anugerah Emas Kedoktoran, Dr Kassim Bahali, 68, yang berkongsi kegemilangan bersama-sama anaknya, Siti Nur Mar-

dhiyah, 25, graduan Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dan Inovasi.

Kassim berkata, antara kenangan yang tidak dapat dilupakan dan paling mencabar apabila berdepan dengan saat getir ketika isteri dan anaknya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) pada tahun berlainan sewaktu menyiapkan tesis.

"Isteri dan anak saya pernah menerima rawatan di ICU. Walaupun bukan dalam tempoh sama, tetapi saya masih ingat situasi dan perasaan waktu itu yang memikirkan masa depan anak saya (Siti Nur Mardhiyah) yang masih dalam pengajiannya.

"Namun, syukur alhamdulillah, bukan sekadar anugerah emas saya peroleh menjadi kebanggaan tetapi kenangan dapat meraikan bersama-sama anak yang turut menerima ijazahnya menjadi momen yang saya tidak dapat lupakan sampai bila-bila," katanya.